

PENGENALAN MYORGANIC

Malaysian Organic Agricultural Practices (myOrganic) adalah satu daripada pensijilan yang terdapat di bawah Pensijilan Veterinar. Pensijilan myOrganic ini berlandaskan kepada konsep ternakan secara organik yang bebas dari penggunaan bahan kimia sintetik dan diurus dengan amalan yang baik. Kriteria untuk mendapatkan pengiktirafan myOrganic adalah berdasarkan kepada Good Animal Husbandry Practices (GAHP) MS 2027:2018 di mana merangkumi program pengurusan kesihatan ternakan, program biosekuriti, program sanitari dan fitosanitari, program pengurusan sisa ladang dan pencemaran, program penyelenggaraan premis dan infrastruktur, program kawalan makhluk perosak secara organik, program kawalan penggunaan ubatan organik, program pengurusan sumber dan input ladang, program pengurusan rekod ladang serta program kebajikan haiwan.

Kualiti Kehidupan

Pensijilan ini mula diperkenalkan pada tahun 2015. myOrganic merupakan penjenamaan semula bagi skim pensijilan organik yang lebih komprehensif dan menggabungkan subsektor tanaman, ternakan dan akuakultur untuk mengiktiraf ladang yang diusahakan secara organik mengikut syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.